



Resorts World Genting Membawa Keajaiban Musim Ceria di Genting Winter Wonderland 2025

Genting Highlands, 23 Disember 2025 – Resorts World Genting bakal menyinari musim percutian anda dengan taman perayaan yang sarat dengan cahaya, alunan muzik dan suasana ceria sempena Genting Winter Wonderland 2025. Dari 21 November 2025 hingga 1 Januari 2026, para pengunjung dijemput meraikan 42 hari yang dipenuhi hiburan magikal, sajian perayaan, aktiviti pemberian hadiah dan pelbagai acara menyeronokkan untuk semua peringkat umur.

Mulai 21 November, kemeriahan Genting Winter Wonderland 2025 telah menyinari Kimhwa Atrium dengan persembahan tarian harian yang memukau. Menjelang 19 Disember, suasana perayaan semakin rancak dengan kemunculan Jolly Jumbos & The Twinkles, The Enchanted Noël, persembahan Christmas Choir, serta pertunjukan Ventriloquism eksklusif pada 24, 25 dan 31 Disember.

Kimhwa Atrium turut diserikan dengan pancaran cahaya dan warna yang mempesona, dari karusel gergasi, susunan hadiah yang meriah, hinggalah pokok Krismas berkilauan yang mencipta latar foto sempurna untuk merakam detik penuh makna.

Di samping itu, Gift Bank di Kimhwa Atrium telah mengalu-alukan para pengunjung untuk membeli dan menyumbangkan hadiah dari 21 November hingga 24 Disember sebagai simbol semangat memberi. Tahun ini, MINISO berganding bahu dengan Resorts World Genting bagi menyokong inisiatif tersebut, bersama-sama memupuk rasa prihatin dan semangat komuniti. Dalam semangat perkongsian yang sama, MINISO turut menyumbangkan rangkaian produknya sendiri, bersama para pengunjung menyemarakkan kegembiraan musim perayaan—menjadikan detik ini lebih ceria dan bermakna untuk kanak-kanak yang memerlukan.

Sehingga kini, inisiatif ini telah menerima sambutan amat menggalakkan daripada orang ramai. Kira-kira 160 hadiah telah berjaya dikumpul dan akan memberi manfaat kepada kanak-kanak dari rumah kebajikan terpilih. Antara rumah kebajikan yang terlibat ialah Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Mary, The Lighthouse Children's Welfare Home dan Persatuan Kebajikan Wen Hua. Bagi meraikan musim perayaan, Resorts World Genting telah menjemput kanak-kanak ini untuk menikmati pengalaman Krismas yang tidak dapat dilupakan di resort. Antara aktiviti yang disediakan termasuk menaiki kereta kabel dan lawatan ke Taman Tema Tertutup Skytropolis. Mereka juga turut berpeluang menikmati persembahan Krismas istimewa sebelum menerima hadiah yang disampaikan terus oleh Santa Claus sendiri.

Kemeriahan perayaan turut menyerikan Gohtong Way dan Liberty Lane, kawasan masuk percuma yang menawarkan hiburan langsung, permainan, aktiviti membeli-belah serta pelbagai pilihan makanan. Para pengunjung boleh menikmati hidangan seperti hotpot dan aneka sajian perayaan di Fire Pit, Trattoria IL Lago, FUHU serta kios makanan Asteroid Arcade sambil menyaksikan salji turun pada waktu malam. Pertunjukan salji di Liberty Lane berlangsung pada waktu berikut:

- **Ahad – Khamis:** 6.30malam, 7.30malam, 8.30malam, 9.30malam, dan 10.30malam
- **Setiap Jumaat & Sabtu:** 6.30malam, 7.00malam, 7.30malam, 8.00malam, 8.30malam, 9.00malam, 9.30malam, 10.00malam, dan 10.30malam
- **24 & 31 Disember:** 6.30malam, 7.00malam, 7.30malam, 8.00malam, 8.30malam, 9.00malam, 9.30malam, 10.00malam, 10.30malam, 11.00malam, dan 11.30malam
- Sila ambil perhatian bahawa Liberty Lane akan ditutup setiap hari Selasa, kecuali pada **23 & 30 Disember**.

Menjelang detik penghujung tahun, dua acara kiraan detik ambang tahun baharu bakal memeriahkan suasana buat para pengunjung. Pada Malam Krismas, pentas akan dihangatkan dengan persembahan istimewa daripada Vanessa Reynauld, Angela Ong, Ronnie Jupiter, dan Emcee Khye sebagai pengacara. Seterusnya, DJ Blink tampil dengan alunan muzik bertenaga, diiringi paparan cahaya dan pancaran laser yang memukau, menjanjikan pengalaman yang tidak akan dilupakan. Pada Malam Tahun Baharu, kemeriahan diteruskan bersama DJ Wu Kong, ManHanD, Yin Ern, Juztin Lan, KAIA Lee, dan pengacara Shaun Stephen, memastikan sambutan penutup tahun 2025 berlangsung dengan suasana yang meriah dan mengujakan.

Sepanjang musim perayaan, para pengunjung berpeluang merakam detik-detik paling bermakna di ruang bergambar yang disediakan di kawasan utama acara. Setiap sudut direka untuk mencipta pengalaman visual yang mempesona, membolehkan mereka membawa pulang kenangan istimewa yang mengabadikan kehangatan dan kemeriahan sambutan ini.

Musim perayaan kali ini, kunjungan ke tanah tinggi menjadi pilihan yang menarik untuk merasai keceriaan, tawa dan keriang yang hanya dapat ditawarkan oleh Resorts World Genting.

Untuk maklumat lanjut, layari rwgenting.com atau ikuti saluran media rasmi Resorts World Genting.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Nur Fatin Shazreen Ismail

Executive
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9411
Email: fatin.shazreen@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.